



**JABATAN PELESENAN**  
**MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG**  
**ARAS 19, MENARA AQABAH**  
**81700 PASIR GUDANG, JOHOR**  
**NO. TEL: 07- 2547777, TELEFAKS: 07- 2547700**  
**LAMAN WEB: [www.mbpq.com.my](http://www.mbpq.com.my)**

### BORANG SEWAAN IKLAN SKRIN LED

#### BAHAGIAN A: BUTIRAN PEMOHON

1.	Nama:	5.	No Telefon:
2.	No K/P:	6.	Jawatan:
3.	Nama Syarikat/Jabatan/Pertubuhan:		
4.	No. Pendaftaran Syarikat:		
5.	Alamat Syarikat/Jabatan/Pertubuhan:		

#### BAHAGIAN B: BUTIRAN PENGIKLANAN

1.	Tajuk Iklan:		
2.	Jenis Visual : Gambar Pegun <input type="checkbox"/> Video <input type="checkbox"/> Lain-lain <input type="checkbox"/>		
3.	Durasi: <input type="text"/> saat	5.	Tempoh paparan: <input type="text"/> minggu/bulan
4.	Tarikh Paparan:		
6.	Pertukaran visual: <input type="text"/> minggu / bulan		

#### BAHAGIAN C: BUTIRAN PEMBAYARAN

- i. Saya/ Syarikat/ Jabatan \_\_\_\_\_ bersetuju melanggan iklan di skrin LED MBPG dan disertakan bayaran melalui wang Tunai/Cek no.\_\_\_\_\_ berjumlah RM \_\_\_\_\_
- ii. Saya bertanggungjawab sepenuhnya terhadap maklumat/visual iklan dan akan bertanggungjawab ke atas sensitiviti awam dan juga apa-apa kesan terhadap orang awam disebabkan pengiklanan tersebut.

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

#### BAHAGIAN D: PENGESAHAN JABATAN PELESENAN

- i. Permohonan **DILULUSKAN / TIDAK DILULUSKAN** untuk tempoh paparan \_\_\_\_\_
- ii. Bayaran yang dikenakan:

Bayaran Lesen	RM _____
Pertukaran Visual	RM _____
Bayaran Proses	RM _____
<b>Jumlah Perlu Bayar</b>	<b>RM _____</b>

Tandatangan & Cap

Tarikh: \_\_\_\_\_

<b>KADAR SEWAAN IKLAN SKRIN LED MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG</b>					
WAKTU OPERASI		6.00 PAGI – 12.00 TENGAH MALAM			
FORMAT IKLAN		VIDEO & IMAGE (BMP, GIF, JPEG, TIFF)			
JUMLAH PAPARAN		MINIMA 150 KALI/HARI MINIMA 4,500 KALI/BULAN			
DURASI	2 MINGGU	1 BULAN	3 BULAN	6 BULAN	12 BULAN
15 SAAT	RM700	RM1,400	RM4,200	RM8,400	RM16,800
20 SAAT	RM900	RM1,800	RM5,400	RM10,800	RM21,600
25 SAAT	RM1,100	RM2,200	RM6,600	RM13,200	RM26,400
30 SAAT	RM1,300	RM2,600	RM7,800	RM15,600	RM31,200
PERTUKARAN/KEMASKINI VISUAL		RM250/minggu	RM200/bulan		

#### **CARA PEMBAYARAN**

- Bayaran boleh dibuat secara **TUNAI/KIRIMAN WANG/WANG POS/CEK** atau pun menggunakan **PESANAN TEMPATAN (LO)** dan dibuat atas nama **MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG**.
- Bayaran hendaklah dijelaskan di **KAUNTER PERKHIDMATAN, MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG** di Aras 1, Menara Aqabah, Pasir Gudang.

#### **TERMA & SYARAT**

- Pemohon/pihak pengiklan mestilah menggunakan borang rasmi permohonan sewa iklan skrin LED MBPG dan setiap borang permohonan yang lengkap perlu dikemukakan ke Jabatan Pelesenan MBPG 2 minggu sebelum tarikh paparan.
- Pengiklan boleh dalam bentuk paparan statik atau video :
  - Iklan paparan statik ialah iklan memuatkan visual tulisan atau gambar tanpa pergerakan hidup seperti paparan sepaduk atau poster.
  - Iklan video ialah iklan yang mengandungi tayangan pergerakan hidup.
  - Isi kandungan iklan yang bercampur akan dikira sebagai iklan video.
- Perkara-perkara berikut tidak dibenarkan pada paparan iklan :
  - Penyeruan, penggalakan dan iklan jualan minuman keras dan jenama minuman yang memabukkan,
  - Penyeruan, penggalakan dan iklan jualan rokok serta perjudian,
  - Penyeruan dan penggalakan kepada kelakuan yang melanggar undang-undang Kerajaan Malaysia.
  - Penggunaan perkataan yang panjang, bentuk grafik yang terlalu abstrak dan kefahaman yang tidak tepat boleh melekakan pemandu,
  - Pengiklanan perkara-perkara penipuan seperti skim cepat kaya atau ‘phising’ link bertujuan untuk mendapatkan maklumat peribadi, dan
  - Lain-lain perkara yang tidak sesuai dengan adat resam, agama, nilai-nilai amalan mulia masyarakat majmuk Malaysia.
- MBPG tidak akan bertanggungjawab atas segala isi atau *link* yang diberikan oleh pihak pengiklan sama ada dari segi kualiti atau jumlah pelawat.
- Gambar/video (*Embed Code*)/ teks atau apa-apa iklan disediakan oleh pihak pengiklan sendiri.
- Tempoh pengiklanan adalah mengikut tempoh dan kadar yang telah dipersetujui bersama dan perlu diperbaharui apabila tamat tempohnya, jika tidak iklan tersebut akan dipadam secara automatik.
- Pihak pengiklan dibenarkan membuat permohonan untuk mengemaskini/ubahsuai iklannya dalam tempoh pengiklanan.
- Pihak pengiklan boleh membatalkan slot pengiklanan sebelum tamat tempoh namun bayaran tidak akan dikembalikan.
- MBPG berhak menolak sesebuah iklan dengan apa jua sebab dan juga berhak menamatkan kontrak pengiklanan sekiranya pihak pengiklan melanggar peraturan syarat-syarat pengiklanan.
- Pihak pengiklanan boleh memilih untuk mengiklankan dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris sahaja. Walau bagaimanapun penggunaan Bahasa Kebangsaan hendaklah menjadi keutamaan (*priority*) dengan nahu yang betul. Kandungan iklan perlu mendapat pengesahan bahasa dari DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA (DBP). Jika terdapat pembetulan, sila lampirkan bersama pembetulan yang telah dibuat. Sila hubungi DBP di alamat berikut:

Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Selatan  
No 1 & 3 Jalan Susur Dato' Muhd Said Sulaiman  
80350 Larkin Perdana, Johor  
Tel : 07-2365588/07-2368282  
@ Laman web:  
<http://sbmb.dbp.gov.my/iklan/pelanggan/login.aspx>

11. Pihak Pengiklan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sebarang maklumat dan perlu bertanggungjawab menangani maklum balas awam.
12. MBPG berhak meminda terma dan syarat yang diberikan pada masa hadapan tanpa sebarang notis terlebih dahulu.